

# JAS Kedah siasat dakwaan banjir lumpur akibat pembalakan

**Alor Setar:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian banjir lumpur di Ulu Paip, Kulim yang didakwa akibat aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu.

Pengarah JAS Kedah, Shari-fah Zakiah Syed Sahab, berkata siasatan awal dilakukan pada 16 November lalu, membabitkan kawasan aliran sungai dalam Taman Eko Rimba Ulu Paip dan beberapa kampung berhampiran.

Katanya, ia termasuk Kampung Ulu Paip, Kampung Karang-an, Kampung Seberang Jaya, Kampung Padang Limau, Kam-pung Jangkang, Kampung Mar-ryland dan Kampung Batu Puteh.

“JAS menerima aduan melalui Sistem e-Aduan JAS pada 15 No- vember lalu, pada jam 8.41 ma- lam, membabitkan isu banjir kilat dan aliran lumpur yang dikata- kan berlaku pada 23 Oktober ser-

ta menjejaskan perkampungan di hilir Sungai Karang.

“Hasil pemeriksaan menda-pati air sungai sedikit keruh berik- utan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lum-pur dapat dikesan di tebing su- ngai. Malah, pengunjung masih menggunakan kawasan rekrea- si seperti biasa,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, pe- mantauan di kawasan kampung hilir sungai mendapati alirannya berada dalam keadaan normal, namun penduduk mengesahkan memang berlaku kejadian banjir lumpur pada Oktober lalu dan be- berapa rumah terjejas.

“Ketika siasatan dijalankan, keadaan kampung sudah pulih sepenuhnya tanpa kesan ketara lumpur atau tanah,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan susulan bersama Jabatan Perhutanan dan

agensi lain di kompartmen yang didakwa menjadi punca kejadian sebelum tindakan lanjut diamb- il.

Semalam, media melaporkan kerajaan negeri digesa menilai semula dan menghentikan se- mentara aktiviti pembalakan bagi tujuan ladang hutan di Hutan Simpan Gunung Bongsu susulan kejadian banjir lumpur yang menjejaskan lebih 500 pen- dukuk sekitar Ulu Paip, baru-ba- ru ini.

Pengerusi Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRA- SS) Kedah, Mohd Sobri Ramlee, dilaporkan mendakwa kejadian pada 23 Oktober lalu itu tanda je- las bahawa aktiviti pembukaan hutan di kompartmen 15, 42 dan 43 perlu dikaji semula kerana memberi kesan langsung kepada keselamatan penduduk serta me- rosakkan kualiti air di Taman Eko Rimba Ulu Paip.



*Keadaan rumah penduduk yang dinaiki air di kawasan perkampungan hilir Sungai Karang.*  
(Foto ihsan GRASS)

# JAS siasat punca banjir lumpur Ulu Paip

**Alor Setar:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian banjir lumpur di Ulu Paip, Kulim yang didakwa akibat aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, siasatan awal dilakukan pada 16 November lalu membabitkan kawasan aliran sungai di Taman Eko Rimba Ulu Paip dan beberapa kampung berhampiran.

“JAS menerima aduan melalui Sistem e-Aduan JAS pada 15 November lalu membabitkan isu banjir kilat dan aliran lumpur yang dikatakan berlaku pada 23 Oktober serta menjejaskan perkampungan di hilir Sungai Karang.

“Hasil pemeriksaan mendapati air sungai sedikit keruh berikutan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lumpur dapat dikesan di tebing sungai.

“Malah, pengunjung masih menggunakan kawasan rekreasi seperti biasa,” katanya dalam kenyataan, semalam.

**“Hasil pemeriksaan mendapati air sungai sedikit keruh berikutan hujan malam sebelumnya namun tiada kesan aliran lumpur dapat dikesan di tebing sungai”**

*Sharifah Zakiah*

Menurutnya, pemantauan di kawasan kampung hilir sungai mendapati aliran sungai berada dalam keadaan normal namun penduduk mengesahkan berlaku kejadian banjir lumpur pada Oktober lalu dan beberapa rumah terjejas.

“Ketika siasatan dijalankan, keadaan kampung sudah pulih sepenuhnya tanpa kesan ketara lumpur atau tanah,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan susulan bersama Jabatan Perhutanan dan agensi lain di kompartmen yang didakwa menjadi punca kejadian sebelum tindakan lanjut di-



HASIL tinjauan JAS Kedah di Taman Eko Rimba Ulu Paip kelmarin. - Gambar NSTP/Ihsan JAS Kedah

ambil.

Semalam, media melaporkan kerajaan negeri digesa menilai semula dan menghentikan sementara aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Gunung Bongsu susulan kejadian banjir lumpur yang menjejaskan lebih 500 penduduk di sekitar Ulu Paip, baru-baru ini.

Pengerusi Pertubuhan

Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) Kedah, Mohd Sobri Ramlee dilaporkan berkata, kejadian pada 23 Oktober lalu itu tanda jelas bahawa aktiviti pembukaan hutan di kompartmen 15, 42 dan 43 perlu dikaji semula kerana memberi kesan langsung kepada keselamatan penduduk serta merosakkan kualiti air di Taman Eko Rimba Ulu Paip.